

10 premis lonjak status negara maju

Berita Harian 11/06/200 M/S B2


Modal insan berkemahiran tinggi perkukuh daya saing peringkat global

MALAYSIA kini berada pada persimpangan kritikal untuk meneruskan pembangunan negara dan suatu perubahan radikal diperlu dilaksanakan untuk mencapai status negara maju menjelang 2020.

Dua faktor paling penting mendorong perubahan itu ialah perubahan persekitaran persaingan global dan ketidaksesuaian strategi sedia ada untuk menjamin pencapaian status negara berpendapatan tinggi.

Malaysia menghadapi persaingan lebih hebat pada masa kini dan negara semakin ketinggalan dalam persaingan untuk menarik pelaburan langsung asing (FDI) serta meningkatkan eksport berbanding negara serantau.

Kemunculan kuasa ekonomi baru negara serantau seperti India, China dan Indonesia memiliki kelebihan dari segi kos yang rendah dan saiz pasaran domestik yang besar.



MODAL insan cemerlang dan berkemahiran mampu bangunkan ekonomi negara untuk lebih maju.

Malaysia seumpama terjerat dalam perangkap pendapatan sederhana kerana tidak dapat bersaing dengan negara pengeluar kos rendah

dan pada masa sama, tidak setanding dengan negara maju berinovasi tinggi.

Strategi yang dulunya ber-

jaya mentransformasi Malaysia kepada sebuah negara berpendapatan sederhana tinggi, kini tidak mampu membawa Malaysia ke tahap

pembangunan yang lebih maju.

Modal insan adalah sumber paling penting bagi membolehkan Malaysia beralih kepada ekonomi berintensifkan pengetahuan dan diterajui inovasi.

Susulan itu negara memerlukan model ekonomi yang baru untuk terus maju dan menyertai kumpulan negara berpendapatan tinggi, iaitu suatu anjakan paradigma dari segi strategi ekonomi dan dasar ekonomi kerajaan.

Rancangan Malaysia Ke-10 (RMKe-10) disediakan dengan mencarta perjalanan pembangunan negara ke arah mencapai Wawasan 2020 dan temanya dirumuskan dalam bentuk 10 premis utama dalam menghadapi cabaran untuk mencapai status negara maju.

Premis itu ialah membentuk ekonomi yang dipacu oleh faktor dalam negeri, di samping mengambil kira

persekitaran luar negara; memanfaatkan kepelbagaian etnik untuk mencapai kejayaan di arena antarabangsa; transformasi ke arah negara berpendapatan tinggi menerusi pengkhususan; menajayakan pertumbuhan yang diterajui produktiviti dan inovasi serta memupuk, menarik dan mengekalkan modal insan cemerlang.

Turut dirumuskan sebagai premis utama RMKe-10 adalah memastikan peluang sama rata dan melindungi golongan mudah terjerjas; pertumbuhan bertumpu, pembangunah inklusif; menyokong perkongsian pintar dan berkesan; menghargai khazanah alam sekitar dan kerajaan umpama syarikat yang berdaya saing.

Transformasi ekonomi yang diperlukan itu adalah amat menyeluruh, susulan itu ia hanya dapat dijayakan menerusi komitmen dan usaha semua pihak.